

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1974

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN BERKENAAN
MENDAPATKAN CUTI BAGI MENGIKUTI KURSUS
LUAR KAMPUS DI MALAYSIA**

Kerajaan telah bersetuju membenarkan pegawai-pegawainya sebagai urusan mereka sendiri untuk mengikuti kursus-kursus luar kampus yang diadakan oleh universiti-universiti di dalam Malaysia seperti yang sekarang dimulakan oleh Universiti Sains Malaysia dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) bahawa Ketua Perkhidmatan bagi tiap-tiap satu perkhidmatan itu berhak menetapkan jumlah pegawai yang boleh dibenarkan mengikuti kursus-kursus ini pada tiap-tiap tahun dengan tujuan mengawal supaya sesebuah perkhidmatan itu tidak akan terjejas perkhidmatannya apabila pegawai-pegawai ini terpaksa meninggalkan pejabat-pejabat mereka untuk berada di universiti di dalam tahun yang dikehendaki mereka berada sepenuh masa;
- (ii) bahawa tiap-tiap pegawai akan diberi cuti tanpa gaji bagi seluruh masa yang pegawai itu disyaratkan oleh universiti untuk menghadiri kuliah;
- (iii) bahawa masa cuti tanpa gaji ini tidak akan diambil kira untuk tujuan pencen;
- (iv) bahawa tidak ada elaun sara hidup atau lain-lain bayaran pengajian seperti yang disebutkan di bawah Perintah Am 31 (a) dan (b) dalam Bab B Perintah-perintah Am yang boleh dibayar semasa mengikuti kursus luar kampus ini;
- (v) bahawa Kerajaan tidak akan bertanggungjawab untuk memberi jawatan yang lebih tinggi atau sebarang jawatan lain kepada mana-mana pegawai yang telah berjaya mendapat kelulusan tinggi hasil dari mengikuti kursus luar kampus ini; dan
- (vi) sungguhpun kursus luar kampus ini adalah urusan prevet seseorang pegawai yang berkenaan itu sendiri, seseorang pegawai itu adalah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Perintah-perintah Am, Bab D, tentang kelakuan dan tatatertib, semasa mengikuti kursus ini.

2. Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang pegawai menggunakan apa-apa baki cuti rehatnya dalam sesuatu tahun itu untuk menghadiri kuliah-kuliah pendek di tahun 1 hingga 4 sekiranya ia memilih tidak mahu menggunakan cuti tanpa gaji yang diberi di bawah Pekeliling ini pada keseluruhannya. Peraturan yang sama boleh juga dibenarkan bagi tahun kelima. Ketua Jabatan hendaklah menentukan bahawa rekod-rekod cuti yang betul disimpan berkenaan dengan cuti-cuti yang diambil oleh seseorang pegawai untuk menghadiri kursus luar kampus ini.

3. Ketua-ketua Perkhidmatan dan Ketua-ketua Jabatan adalah diingatkan bahawa jawatan-jawatan yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai yang diberi cuti tanpa gaji ini tidaklah boleh diisi secara hakiki dengan pengambilan pegawai-pegawai baru. Jawatan-jawatan tersebut hendaklah terus ditinggalkan kosong bagi tujuan memegang pegawai-pegawai tersebut di dalam perkhidmatan. Peraturan ini tidak akan menghalang pengisian jawatan-jawatan tersebut secara pemangkuan bila ini ditunjukkan sebagai mustahak. Di mana Jabatan-jabatan mesti mengisikan jawatan-jawatan ini secara hakiki untuk menjaga kepentingan perkhidmatan atau kepentingan awam, permohonan-permohonan untuk mengujudkan jawatan-jawatan tambahsentara bagi pegawai-pegawai yang berkursus ini hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan khas.

4. Walau apapun perbekalan-perbekalan lain dalam Pekeliling ini, Kerajaan berhak untuk meluluskan secara terhad, cuti bergaji penuh atau cuti separuh gaji kepada mana-mana pegawai yang mengikuti kursus luar kampus yang memenuhi syarat-syarat dan keperluan latihan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

5. Pegawai-pegawai yang ingin mengikuti kursus luar kampus ini hendaklah mengemukakan permohonan-permohonan mendapatkan cuti tanpa gaji mereka mengikut peraturan-peraturan berikut:

Gulungan Pegawai	Kuasa Meluluskan
(1) Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan gunasama di bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Perintah-perintah Am, Bab A)	Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
(2) Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan gunasama di bawah Akauntan Negara (Perintah-perintah Am, Bab A)	Akauntan Negara
(3) Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain daripada (1) atau (2)	Ketua Perkhidmatan yang berkenaan sendiri

6. Sebarang kelulusan mengikuti kursus luar kampus ini akan meliputi dari tahun satu hingga ke tahun lima. Pegawai-pegawai yang gagal mencapai kejayaan di akhir kursus mereka akan dikehendaki memohon kebenaran baru untuk mengulangi kursus tersebut. Ketua Perkhidmatan, atas budibicaranya sendiri, akan menentukan samada satu kebenaran baru boleh diberi.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.

Ihb Mac, 1974.